

Negara maju, rakyat selesa impian Pak Lah

Oleh Kadir Dikoh
dan Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, impiannya kini ialah untuk melihat Malaysia sebagai negara maju dengan rakyatnya yang pelbagai kaum hidup lebih selesa dan aman.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu membina sebuah negara maju yang membawa kesejahteraan kepada rakyat, bukan menderita seperti dihadapi rakyat di sesetengah negara maju apabila harga barangannya melambung tinggi.

Untuk itu, katanya, adalah menjadi harapan beliau agar segala kos perniagaan di negara ini lebih kompetitif dan berupaya menarik pelabur walaupun terpaksa bersaing dengan negara serantau terutama China.

Abdullah juga mahu melihat budaya bekerja yang lebih cekap di kalangan rakyat terutama pegawai kerajaan dan sektor swasta supaya harga barangan tidak begitu mahal, yang lazim berlaku di kebanyakan negara maju seperti Jepun.

"Ini yang saya nak buat. Kita ada matlamat cukup baik, lebih tinggi daripada apa yang disenaraikan iaitu ke arah negara lebih maju, lebih berjaya dan kehidupan rakyat lebih se-

lesa. Semua rakyat ada tugas masing-masing dan kita akan bersama-sama laksanakan tugas ke arah itu dengan bersungguh-sungguh, dengan budaya kerja berprestasi tinggi.

"Jika ini dicapai, insya-Allah kita akan berjaya. Kita perlu ubah minda dan sikap kita. Bagi umat Islam, anggap apa yang kita buat ini sebagai satu ibadah, fardu kifayah. Kita mahu mencapai satu kejayaan lebih hebat lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri dengan pegawai kerajaan negeri Selangor di Auditorium, Dewan Jubli Perak, di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini petang semalam.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalid Yaakob dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Abdul Aziz

Mohd Yusof serta kira-kira 1,500 pegawai kerajaan negeri.

Majlis itu turut disiarkan secara langsung melalui sidang video ke 21 lokasi di seluruh negeri seperti ke pejabat daerah Hulu Selangor, Sabak Bernam, Sepang dan Klang selain agensi kerajaan negeri tertentu.

Abdullah yang dalam rangka lawatan setengah hari ke negeri ini kemudian meninjau pameran industri kecil dan sederhana (IKS) di bangunan bersebelahan.

Di pertengahan ucapannya, sebuah lampu limpah di siling dewan itu meletup dan terbakar sehingga mengeluarkan api, menyebabkan keadaan riuh seketika.

Bagaimanapun, Perdana Menteri dengan tenang menasihatkan hadirin yang duduk supaya berhati-hati dan meminta alat pemadam api dibawa. Api kemudian terpadam setelah suis elektrik ditutup.



Um - 10/3/2004

Pg. 2



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH menerima menghadap Abdullah di Istana Bukit Kayangan, semalam. - Gambar oleh Shahiman Sharip

"Habis dah, tak ada lagi. Sesiapa yang terlena tadi, semua segar balik," usik Abdullah menyebabkan hadirin gelak ketawa.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mahu menjadi negara maju seperti Jepun dengan harga barangannya terlalu mahal sehingga sebiji tembikai berharga RM100 dan sekeping tempura RM50.

Katanya, beliau tidak mahu rakyat berasa susah dan tidak selesa kerana kerajaan pimpinannya berhasrat mewujudkan masyarakat yang berasa gembira.

"Malah, kita mahu rakyat berasa bangga menjadi warga Malaysia dan di mana saja mereka pergi, bangga apabila dikenali sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan mensekukan dasar persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan sejak lebih dua

dekad lalu dalam usaha untuk mempereratkan kerjasama di antara sektor awam dan swasta bagi memacu lagi pembangunan.

Oleh itu, kerajaan mahu memperbaiki sistem penghantaran dan membantulas rasuah serta kerehnan birokrasi, kerana ia semua bukan saja membantut projek pembangunan dan menghambat pelaburan asing, malah boleh meningkatkan kos menjalankan perniagaan.

Beliau berkata, maklum balas daripada pengurus dana dalam pertemuan dengan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop baru-baru ini mendapati bahawa Malaysia berpotensi untuk maju serta menarik pelaburan asing.

"Untuk itu, kita mesti ada pekerja yang mahir, mutu kerja mesti ditingkatkan dan kita mesti tunjukkan kemahiran kita, kemampuan dan kebolehan kita," katanya.